

# APO-DIPYRIDAMOLE TABLET

Dipyridamole (25mg, 75mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Dipyridamole
2. Bagaimana Apo-Dipyridamole berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Dipyridamole
4. Cara menggunakan Apo-Dipyridamole
5. Semasa menggunakan Apo-Dipyridamole
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Dipyridamole
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Apo-Dipyridamole

Apo-Dipyridamole digunakan untuk merawat:

- Penyakit Ateri Koronari: untuk mengurangkan kekerapan serangan jantung
- Angina Pektoris Kronik: untuk mengurangkan kekerapan atau mencegah serangan angina (sakit dada)
- Penyakit tromboembolik: mengurangkan risiko darah mengumpal selepas penggantian injap jantung.

## Bagaimana Apo-Dipyridamole berfungsi

Apo-Dipyridamole tergolong dalam kumpulan ubat perencat penggumpalan platelet. Platelet adalah sel-sel darah yang membantu pembekuan darah. Dipyridamole membantu untuk mengekalkan pengaliran darah dengan menghentikan platelet dari mengumpal bersama dan mengekalkan saluran darah jantung terbuka.

## Sebelum menggunakan Apo-Dipyridamole

### Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan produk ini jika anda alah kepada Dipyridamole atau sebarang isi kandungan dalam produk ini (Rujuk Maklumat Lanjut)

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Dipyridamole jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Dipyridamole jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mula menggunakan Apo-Dipyridamole, doktor anda perlu tahu jika anda mempunyai sebarang keadaan perubatan lain yang memerlukan perhatian, terutamanya jika anda mempunyai hipotensi (darah rendah) atau *Myasthenia gravis* (keletihan pesat atau kelemahan pada otot).

Penggunaan untuk kanak-kanak: Keselamatan dan keberkesanan dipyridamole belum diketahui untuk golongan pediatrik.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat mungkin berinteraksi dengan Apo-Dipyridamole apabila diambil bersama-sama, antara:

- Derivatif *Xanthine* (terdapat dalam kopi, teh)
- Ubat-ubat anti-koagulasi
- Ubat untuk menurunkan tekanan darah

## Cara menggunakan Apo-Dipyridamole

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

## Penyakit tromboembolik:

Dos yang disarankan adalah 100mg 4 kali sehari, sebelum makan. Dos rendah 100mg dipyridamole setiap hari dengan 1g aspirin, mungkin juga akan disarankan oleh doktor anda.

## Angina Pektoris Kronik:

Dos yang disarankan adalah 50mg 3 kali sehari, diambil sekurang-kurangnya 1 jam sebelum makan. Dalam kes-kes tertentu, doktor anda akan menetapkan dos yang lebih tinggi.

## Penyakit Arteri Koronari:

Dos yang disarankan adalah 75mg dipyridamole dengan aspirin 324mg, 3 kali sehari, kepada pesakit yang telah mengalami infarksi miokardium (serangan jantung) sebelumnya.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Telan tablet ini dengan air tanpa mengunyah.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

<p>- <b><u>Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)</u></b></p> <p>Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.</p> <p>Jika anda telah menggunakan terlalu banyak ubat ini, simptom seperti rasa kehangatan, kermerahsan muka, berpeluh, nadi menjadi cepat, kegelisahan, rasa lemah, dan pening dan angina (bahagian dada ketat) boleh berlaku.</p> <p><b>Semasa menggunakan Apo-Dipyridamole</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Perkara yang perlu dilakukan</u></b></li> </ul> <p>Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.</p> <p>Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Dipyridamole.</p> <p>Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u></b></li> </ul> <p>Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.</p> <p>Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.</p> <p>Jangan berkongsi Apo-Dipyridamole dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u></b></li> </ul> <p><b>Memandu dan menggunakan jentera</b></p> <p>Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan</p>	<p>memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.</p> <p><b>Kesan-sesan sampingan</b></p> <p>Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Dipyridamole boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.</p> <p>Kesan sampingan mengambil dipyridamole termasuk sakit kepala, pening, loya, kermerahsan pada muka, kelemahan, atau ruam kulit.</p> <p>Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.</p> <p>Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web <a href="http://portal.bpfk.gov.my">portal.bpfk.gov.my</a> (<i>Consumers Reporting</i>).</p> <p><b>Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Dipyridamole</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Penyimpanan</u></b></li> </ul> <p>Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.</p> <p>Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang ditulis seperti di bekas.</p> <p>Simpan pada suhu 15-30°C.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Pelupusan</u></b></li> </ul> <p>Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.</p> <p><b>Maklumat lanjut</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Rupa dan warna produk</u></b></li> </ul> <p>Tablet 25mg adalah tablet berwarna oren, bulat, dwicembung, bersalut filem, terukir dengan perkataan 25 pada salah satu permukaan.</p>	<p>Tablet 75mg adalah tablet berwarna oren-merah, bulat, dwicembung, bersalut filem. Perkataan D75 diukir di satu permukaan, permukaan satu lagi adalah kosong.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Bahan-bahan kandungan</u></b></li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahan aktif Dipyridamole</li> <li>- Bahan tidak aktif <i>Apo-Dipyridamole 25mg:</i> <i>Colloidal silicon dioxide, purified water, microcrystalline cellulose, sunset yellow, carnauba wax, polyethylene glycol, titanium dioxide, hydroxypropyl methylcellulose, magnesium stearate.</i></li> <li>- <i>Apo-Dipyridamole 75mg:</i> <i>Colloidal silicon dioxide, purified water, microcrystalline cellulose, sunset yellow, carnauba wax, polyethylene glycol, D&amp;C Red, hydroxypropyl methylcellulose, magnesium stearate.</i></li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b><u>Nombor MAL</u></b> Apo-Dipyridamole 25mg (MAL19984706A)</li> <li>- Apo-Dipyridamole 75mg (MAL19984698A)</li> </ul> <p><b>Pengilang</b> Apotex Inc. 150 Signet Drive Weston Toronto Ontario M9L 1T9 Canada</p> <p><b>Pemegang Pendaftaran Produk</b> Pharmaforte (M) Sdn Bhd 2, Jalan PJU 3/49 Sunway Damansara 47810 Petaling Jaya</p> <p><b>Tarikh kemaskini RiMUP</b> 12/8/2015</p> <p><b>Nombor Siri</b> BPFK(R4/1)130715/00185</p>
--	--	---